

11 MAY 2000

Umno-Pengundian

PENGUNDIAN PILIH SAF KEPIMPINAN UMNO BERMULA

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Pengundian bagi memilih barisan kepimpinan tertinggi Umno bermula tengah hari ini pada perhimpunan agung parti ke-54 yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sebelah pagi.

Seramai 2,010 anggota perwakilan akan memilih tiga naib presiden dan 25 anggota Majlis Tertinggi (MT), yang keputusannya dijangka dapat diumumkan lewat petang atau malam ini.

Pemilihan bagi jawatan tertinggi parti ini berikutan selesainya pemilihan pergerakan Wanita dan Pemuda Umno semalam.

Tumpuan perhatian ialah terhadap tiga jawatan naib presiden yang menyaksikan sembilan calon bertanding.

Mereka ialah dua penyandang -- Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib. Yang lain ialah Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Osu Sukam, Tan Sri Mohamed Isa Samad, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Dr Rais Yatim, Datuk Abdul Ghani Othman dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Dr Mahathir telah disahkan sebagai Presiden selepas menang tanpa bertanding untuk menerajui Umno dengan dibantu timbalan presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Ahmad Badawi, yang juga akan disahkan jawatannya setelah beliau juga menang tanpa bertanding.

Para anggota perwakilan juga akan memilih 25 anggota MT daripada 63 calon.

Perhimpunan kali ini adalah yang pertama selepas pilihan raya umum 1999 yang menunjukkan kemerosotan undi yang diperolehi Umno walaupun Barisan Nasional memenangnya dengan lebih dua pertiga.

Umno yang menguasai 89 kerusi Parlimen sebelum pilihan raya umum lepas mampu mempertahankan 72 kerusi.

Pemilihan kali ini berlangsung tanpa sistem undi bonus untuk pencalonan yang diamalkan sebelum ini tetapi penyaringan awal dijalankan dengan kaedah menetapkan jumlah minimum pencalonan yang mesti diperolehi bagi melayakkan seseorang bertanding.

Bagi jawatan presiden, minimum 50 pencalonan disyaratkan, bagi timbalan presiden pula minimum 33 pencalonan diperlukan manakala bagi jawatan naib presiden minimum 17 pencalonan diwajibkan.

Perwakilan juga akan memilih timbalan pengerusi tetap dari tujuh calon yang menawarkan diri.

-- BERNAMA

MNY ZKS RON